



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Malaysia Deposit Insurance Corporation

## Rancangan Korporat 2010 – 2012



Melindungi Deposit Anda



Muka depan menampilkan 'Bonsai', kesenian pertumbuhan pokok yang memerlukan kemahiran dan ketelitian. Dengan penuh kesabaran dan tumpuan, pakar seni Bonsai boleh menyediakan keseimbangan dan membentuk pertumbuhan pokok mengikut keinginan.

Pakar seni Bonsai dan perantis mudanya saling berkongsi rasa hormat terhadap usaha ini serta nilai-nilai asas yang mendorong usaha ini. Perasaan saling menghormati ini menjadi tali penghubung antara mereka dan menyediakan asas dalam perjalanan mereka menimba pengetahuan dan pengalaman, yang pada penghujungnya terhasil pokok Bonsai yang tumbuh dengan subur dan cantik.

Sedemikian juga, PIDM berusaha untuk memainkan peranan utama sebagai penginsurans deposit nasional dalam menyumbang kepada kestabilan dan kekukuhan sistem kewangan. PIDM, dengan kerjasama rapat bersama semua pemegang kepentingan, terus berusaha mencapai kecemerlangan dan profesionalisme, integriti, kebolehpercayaan dan pengelolaan kewangan yang berhemat, dan pada masa yang sama mengekalkan rasa hormat dan ciri-ciri keadilan dalam segala usaha kami.

Dengan memupuk budaya seumpama ini, kami yakin kami boleh mencapai visi untuk menjadi "Penginsurans deposit amalan terbaik".



## Visi Kami

- Penginsurans deposit amalan terbaik

## Misi Kami

- Kami akan melindungi deposit Islam dan konvensional, menyediakan insentif bagi memantapkan pengurusan risiko, serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia. Kami akan memenuhi mandat kami dengan cara yang efisien dan efektif, bagi manfaat pendeposit, dengan mengambil kira kepentingan kakitangan dan pemegang kepentingan yang lain

## Teras Strategik Kami

- Kecemerlangan operasi
- Keyakinan awam terhadap sistem kewangan

## Objektif Korporat Kami

- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Tadbir urus yang mantap
- Penilaian risiko, pemantauan dan keupayaan resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap
- Persekitaran korporat yang kondusif

## Nilai Korporat Kami

- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan
- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat

# ISI KANDUNGAN

## **3 Ringkasan Rancangan Korporat**

---

## **4 Pendekatan Perancangan Korporat**

---

- 5 Rangka Kerja Pengurusan Strategik
- 6 Teras Strategik
- 7 Objektif Korporat
- 8 Peta Strategi

## **9 Pencapaian Kami Pada 2009**

---

- 10 Sorotan Pencapaian pada 2009
- 13 Imbasan Kad Skor Korporat 2009
- 18 Kewangan 2009: Unjuran Berbanding Bajet

## **20 Rancangan Kami**

---

- 21 Persekitaran Operasi
- 21 Jaminan Deposit Kerajaan
- 21 Ulasan Pengurusan Risiko Organisasi
- 23 Andaian Perancangan Utama
- 24 Fokus Utama bagi 2010-2012
- 25 Kad Skor Korporat 2010-2012
- 27 Rancangan Kewangan 2010

## **29 Kesimpulan**

---

- 30 Halangan Pencapaian Rancangan Korporat
- 30 Ringkasan

## **31 Lampiran: Mengenai PIDM**

---

- 32 Mengenai Perbadanan
- 32 Mandat Kami
- 33 Lembaga Pengarah
- 34 Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
- 35 Hubungi Kami

# RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT

Ini merupakan Rancangan Korporat Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) bagi tempoh perancangan dari 2010 hingga 2012. Rancangan Korporat tiga tahun ini menggariskan:

- Pendekatan perancangan korporat;
- Pencapaian pada tahun 2009;
- Fokus utama bagi tempoh perancangan 2010-2012;
- Petunjuk dan sasaran prestasi utama; dan
- Rancangan kewangan bagi tahun 2010.

Kami terus mengambil pendekatan yang bersepadu dalam membangunkan Rancangan Korporat kami dengan mengenal pasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh PIDM berdasarkan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Memandangkan landskap industri kewangan yang kompleks dan dinamik pada tahun ini, kami juga mengguna pakai pendekatan perancangan senario dalam proses perancangan strategik kami. Pendekatan ini mengukuhkan kesediaan organisasi untuk menangani dengan efektif cabaran yang boleh menghalang pencapaian rancangan asal kami. Kami juga menjalankan kajian semula bagi rangka kerja pengurusan strategik kami secara menyeluruh. Inisiatif kami diselaraskan sepenuhnya dengan strategi korporat kami, mengguna pakai pendekatan Kad Skor Terimbang bagi mengukur prestasi organisasi. Rancangan Korporat ini akan terus membimbing kami dalam memenuhi inisiatif korporat kami secara efektif dan membantu kami melangkah ke hadapan bagi memenuhi mandat kami.

## **Pencapaian Kami pada 2009**

Kami menetapkan sasaran setiap tahun bagi mencapai visi kami untuk menjadi "Penginsurans deposit amalan terbaik". Kami yakin bahawa kami menuju ke arah pencapaian sasaran yang digariskan dalam Kad Skor Korporat 2009 kami mengikut rancangan kewangan yang diluluskan.

## **Rancangan Kami pada Masa Hadapan**

Kami membangunkan rancangan kami berdasarkan penilaian persekitaran operasi kami dan risiko yang dihadapi oleh Perbadanan. Kami juga memastikan bahawa fokus dan inisiatif utama kami sejajar dengan hala tuju strategi jangka panjang kami. Bagi tempoh perancangan 2010-2012, fokus dan inisiatif utama kami adalah untuk terus meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit, memastikan keberkesanan operasi dan kesediaan untuk mengendalikan aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan bank, memantapkan tadbir urus, aktiviti penilaian risiko dan pemantauan serta membangunkan tenaga kerja. Kami akan memantapkan infrastruktur kami bagi memastikan kesediaan operasi dan akan membangunkan dan melaksanakan strategi dan inisiatif bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan yang terhad.

## **Kesimpulan**

Seperti yang jelas terbukti dalam krisis kewangan global baru-baru ini, kami menyedari kepentingan keyakinan awam dalam sistem kewangan dan sekali lagi menegaskan bahawa rangka kerja pengawalseliaan dan jaringan keselamatan memainkan peranan yang penting dalam memastikan kestabilan sistem kewangan. Justeru, adalah amat penting PIDM dicerminkan sebagai sebuah institusi awam yang ditadbir dan diurus dengan baik, bersedia memenuhi mandatnya dan menangani sebarang cabaran.



# Pendekatan Perancangan Korporat



# PENDEKATAN PERANCANGAN KORPORAT

## Rangka Kerja Pengurusan Strategik

Kami terus mengguna pakai rangka kerja pengurusan strategik yang menyeluruh, yang menggabungkan pengenalan dan penilaian risiko utama menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi kami. Kami juga menambah baik rangka kerja kami bagi mencerminkan hala tuju dan fokus strategik yang lebih seimbang dan ringkas tetapi terperinci.

Proses perancangan strategik memerlukan pertimbangan dalam aspek:

- persekitaran luaran dan dalaman operasi kami;
- andaian perancangan utama yang digunakan bagi tempoh perancangan;
- fokus utama dan inisiatif korporat yang akan dilaksanakan;
- bajet yang diperlukan untuk menyokong inisiatif korporat; dan
- hasil yang ingin dicapai.

Gambaran keseluruhan rangka kerja pengurusan strategik kami diterangkan seperti berikut.

### Mandat Kami

- Mentadbir sistem insurans deposit;
- Menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit;
- Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Malaysia; dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

### Visi Kami

Penginsurans deposit amalan terbaik

### Misi Kami

Kami akan melindungi deposit Islam dan konvensional, menyediakan insentif bagi memantapkan pengurusan risiko, serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia. Kami akan memenuhi mandat kami dengan efisien dan efektif, bagi manfaat pendeposit, dengan mengambil kira kepentingan kakitangan dan pemegang kepentingan yang lain

### Nilai Korporat Kami


- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerjasama Berpasukan
- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat

### Teras Strategik Kami

- Kecemerlangan operasi
- Keyakinan awam terhadap sistem kewangan

### Objektif Korporat

- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Tadbir urus yang mantap
- Penilaian risiko, pemantauan dan keupayaan resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap
- Persekitaran korporat yang kondusif



## Teras Strategik

Kami mengguna pakai dua teras strategik bagi memenuhi mandat kami, iaitu:

### **Kecemerlangan Operasi**

---

Kami mendemonstrasikan kecemerlangan operasi dengan memenuhi peranan kami sebagai penginsurans deposit yang efektif dan proaktif. Ini termasuk mengguna pakai amalan tabir urus dan pengurusan yang mantap, kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang utuh, infrastruktur operasi yang efektif dan efisien, serta mendapatkan dan mengekalkan tenaga kerja yang sesuai dengan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, disokong oleh persekitaran kerja yang kondusif.

### **Keyakinan Awam Terhadap Sistem Kewangan**


---

Kami memupuk keyakinan terhadap sistem kewangan dengan memantapkan program pendidikan dan kesedaran awam bagi memaklum dan mendidik pemegang kepentingan kami dan orang awam mengenai sistem insurans deposit. Kami juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar menerusi Sistem Premium Berbeza, polisi dan peraturan-peraturan serta rangka kerja penilaian risiko dan pemantauan yang kukuh.



## Objektif Korporat

Objektif korporat kami adalah berdasarkan tiga perspektif:



### Pemegang Kepentingan

#### Pemegang Kepentingan yang Terdidik dan Bermaklumat

- Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting bagi memastikan keberkesanan sistem insurans deposit. Kami akan terus berinteraksi dan mendidik semua pemegang kepentingan menerusi program kesedaran dan pendidikan awam serta mendapat pandangan pemegang kepentingan kami dalam pembangunan polisi dan peraturan-peraturan.

#### Perkongsiannya Efektif

- Berdasarkan model urusan kami, perkongsian yang efektif adalah kritikal bagi memenuhi mandat kami. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan rakan kongsi strategik kami termasuk Bank Negara Malaysia, badan pengawalselia yang lain, penginsurans deposit yang lain dan penyedia perkhidmatan utama. Kami akan meneruskan hubungan kerja yang baik dengan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin.

### Tadbir Urus dan Proses Dalam

#### Tadbir Urus yang Mantap

- Kami akan menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi amalan tadbir urus dan tata laku urusan yang mantap, serta mengguna pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif.

#### Penilaian Risiko, Pemantauan dan Keupayaan Resolusi yang Kukuh

- Dalam memastikan kami memenuhi mandat, kami akan terus mengekalkan keupayaan penilaian risiko dan pemantauan yang kukuh, serta membangunkan keupayaan dan kapasiti bagi menangani aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan bank dengan efektif.

#### Amalan Urusan dan Kewangan yang Mantap

- Bagi mentadbir sistem insurans deposit dan Jaminan Deposit Kerajaan dengan efektif, kami akan terus melaksanakan dan mengemas kini proses, polisi, prosedur dan sistem yang mantap berdasarkan amalan terbaik domestik dan antarabangsa yang berkaitan. Kami juga akan terus membangunkan keupayaan dan kapasiti bagi memastikan kami dapat memenuhi peranan dan tanggungjawab kami.

### Pembelajaran dan Pembangunan

#### Tenaga Kerja yang Berpengetahuan dan Cekap


- Kakitangan kami merupakan aset yang paling penting. Kami menyediakan program dan pakej ganjaran yang berdaya saing bagi menarik dan mengekalkan kakitangan yang mempunyai kemahiran, pengalaman dan sikap yang sesuai. Kami komited untuk menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan berterusan bagi membantu kakitangan kami memenuhi potensi penuh mereka.

#### Persekitaran Korporat yang Kondusif

- Kami memupuk budaya dan persekitaran korporat yang kondusif dengan menerapkan nilai korporat serta menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan bebas daripada gangguan.

# Peta Strategi

Peta strategi kami menggambarkan hubungan antara mandat, teras strategik dan objektif korporat kami.



Pencapaian Kami Pada 2009



# PENCAPAIAN KAMI PADA 2009

Pada tahun 2009, kami memberi tumpuan dalam membangunkan kapasiti dan keupayaan modal insan, memantapkan aktiviti penilaian risiko dan pemantauan, serta memastikan keberkesanan dan kesediaan operasi yang berterusan untuk mengendalikan aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan bank. Kami juga memberi tumpuan kepada usaha komunikasi dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman awam mengenai PIDM, serta mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan kami.

## Sorotan Pencapaian pada 2009

### Perspektif Pemegang Kepentingan

- Kami terus mengekalkan rejim kebertanggungjawaban yang utuh dan hubungan kerja yang efektif dengan Lembaga Pengarah. Kami mengguna pakai amalan terbaik tadbir urus seperti mengadakan program orientasi Lembaga Pengarah secara rasmi, mengemas kini struktur pelaporan fungsi Pengurusan Risiko Organisasi dan meneruskan pelaksanaan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah.
- Kami memformalkan Piagam Pengurusan Risiko Organisasi dan terus menyelaraskan penggunaan polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi secara menyeluruh di Perbadanan mengikut rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Kami melaksanakan rangka kerja Penilaian Sendiri Pengurusan Risiko Organisasi bagi menilai keberkesanan dan tahap kematangan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi.
- Kami mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dengan berkesan. Kami membentangkan Rang Undang-Undang Insurans Penstabilan kepada Parlimen.
- Kami memantapkan pengesyoran cadangan-cadangan pindaan kepada penggubal rang undang-undang untuk pelaksanaan mandat Perbadanan dengan lebih efektif, termasuk kuasa institusi sementara (atau *bridge institution*) bagi Perbadanan.
- Kami terus mendidik dan memaklumkan pemegang kepentingan kami mengenai insurans deposit dan PIDM.
- Kami terus melaksanakan inisiatif Rancangan Komunikasi Bersepadu, termasuk tiga kitaran pengiklanan sepanjang tahun menerusi pelbagai saluran media seperti televisyen, radio dan media cetak. Kami juga mendidik pemegang kepentingan kami menerusi pelbagai aktiviti perhubungan awam, antara lainnya, seperti taklimat dan jerayawara.
- Kami terus menunjukkan komitmen terhadap tanggungjawab sosial korporat menerusi penyempurnaan pembangunan program biasiswa bagi pengajian siswazah di Malaysia.
- Kami terus mengekalkan kerjasama yang baik dengan Bank Negara Malaysia. Kami menubuhkan pasukan petugas khas bagi membangunkan rancangan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan dan juga pasukan petugas khas untuk membangunkan Manual Komunikasi Krisis.
- Kami terus mengekalkan hubungan kerja yang efektif dengan institusi anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin menerusi pendekatan rundingan dalam pembangunan polisi yang berkaitan.
- Kami terus mengekalkan hubungan baik dengan penginsurans deposit lain di seluruh dunia menerusi keanggotaan dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa.
- Kami terus menyertai forum antarabangsa dengan menghadiri, menganjur dan menjadi tuan rumah pelbagai acara. Kami juga menyertai dan mengendalikan pelbagai taklimat, seminar, forum dan persidangan di peringkat domestik dan antarabangsa.
- Kami menerima anugerah Laporan Tahunan Terbaik untuk Pertubuhan Tidak Disenaraikan dalam Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan untuk Laporan Tahunan 2008 kami.
- Kami dicalonkan buat kali kedua berturut-turut bagi anugerah "Penginsurans Deposit Terbaik" pada 2009.

<p><b>Perspektif Kewangan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami terus memantau dan melaporkan keputusan kewangan kami kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah setiap suku tahun. Kami melaksanakan semua inisiatif kami bagi tahun ini mengikut sasaran dan rancangan kewangan yang diluluskan.</li> <li>• Kami telah memulakan pembangunan rangka kerja pembiayaan dan peruntukan kerugian yang komprehensif.</li> </ul>
<p><b>Perspektif Proses Dalam</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami terus mematuhi kerahsiaan maklumat. Kami melaksanakan Polisi Pendedahan Maklumat dan menguatkuasakan Polisi Klasifikasi Maklumat.</li> <li>• Kami terus memantapkan kawalan dalaman yang kukuh dalam keseluruhan operasi kami sepanjang tahun.</li> <li>• Kami melaksanakan proses pengesahan luaran bagi Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan yang dilaporkan oleh institusi anggota.</li> <li>• Kami terus mengekalkan proses dan sistem penilaian risiko dan pemantauan yang mantap bagi memantau institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin dengan efektif.</li> <li>• Kami telah membangunkan rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan Bank dan memulakan pembangunan proses, polisi dan prosedur yang terperinci bagi menyokong aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan bank.</li> <li>• Kami berusaha untuk mencapai kesediaan operasi. Kami membangunkan Pelan Kesinambungan Urusan dan Pelan Pengurusan Jerebu dan Penyakit Berjangkit bagi memastikan kesinambungan proses urusan jika berlaku bencana atau wabak pandemik. Kami juga memulakan pembangunan Pelan Pemulihan Bencana dan penilaian lokasi dan infrastruktur pemulihan bencana yang sesuai.</li> <li>• Kami menyempurnakan inisiatif dan aktiviti strategik dan operasi seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2009 kami. Inisiatif operasi termasuklah penaiktarafan infrastruktur Teknologi Maklumat operasi di seluruh organisasi serta peningkatan rangkaian dan infrastruktur keselamatan.</li> <li>• Kami terus membangunkan sistem operasi teras kami. Kami melaksanakan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit. Kami juga memulakan pembangunan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Repositori Produk.</li> <li>• Kami telah menyempurnakan fasa pertama Sistem Maklumat Sumber Manusia yang melibatkan automasi proses-proses berkaitan pengurusan sumber manusia di seluruh organisasi. Kami juga memulakan Fasa 2 yang memberi tumpuan kepada automasi proses Pengurusan Prestasi Kakitangan.</li> </ul>
<p><b>Perspektif Pembelajaran dan Pembangunan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami aktif melibatkan diri dan menganjurkan program amal sepanjang tahun.</li> <li>• Kami terus menjalankan kaji selidik kepuasan kakitangan dan menangani sebarang jurang yang dikesan daripada kaji selidik itu untuk menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif.</li> <li>• Kami terus memperkukuhkan nilai korporat kami menerusi aktiviti berkaitan kakitangan seperti Minggu Modal Insan, forum kesihatan dan kecergasan, program latihan dalaman dan Majlis Makan Malam Tahunan.</li> </ul>





# Imbasan Kad Skor Korporat 2009

**G** Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan/atau dalam lingkungan bajet  
**A** Sasaran dicapai/inisiatif disempurnakan

**Y** Belum dimulakan/tarikh bermula pada masa hadapan  
**R** Sasaran tidak dicapai, lewat berbanding jadual; dan/atau di bawah sasaran; dan/atau >±10% (tahun penuh) perbezaan bajet

OBJEKTIF KORPORAT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN 2009	KEPUTUSAN UNJURAN DIS 2009	ULASAN
<b>Pemegang Kepentingan</b> A Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	1. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:			
	a. Pelaksanaan amalan tadbir urus terbaik	Kepuasan tinggi	A	Perbadanan terus mengguna pakai amalan terbaik tadbir urus, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aturan pelaporan Ketua Pegawai Risiko telah diubah dan kini Ketua Pegawai Risiko melapor terus kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit, bagi memantapkan aliran maklumat kepada Lembaga Pengarah berkaitan dengan risiko.</li> <li>• Memberi tumpuan terutamanya terhadap perancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah, serta perancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif. Memulakan perancangan jangka panjang bagi perubahan dan risiko untuk tempoh beberapa tahun yang akan datang. Kami juga memulakan perancangan pengurusan penggantian pegawai-pegawai kanan.</li> <li>• Memformalkan program orientasi Lembaga Pengarah dan melaksanakan program ini untuk Pengarah baharu pada 2009.</li> <li>• Mengkaji semula semua polisi tadbir urus utama bagi memastikan polisi kekal relevan dan terkini.</li> <li>• Merangka Polisi Pendedahan Awam Maklumat.</li> <li>• Meneruskan sesi pendidikan Lembaga Pengarah.</li> <li>• Mengkaji semula dan memantapkan proses-proses utama termasuk proses menilai prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa.</li> <li>• Mempertingkatkan dan memulakan pelaksanaan Program Pematuhan Korporat.</li> <li>• Menyediakan laporan dan pendedahan tadbir urus dalam Laporan Tahunan.</li> <li>• Mengadakan mesyuarat tiga pihak bersama-sama dengan Lembaga Pengarah Agensi Perlindungan Deposit Thailand dan Lembaga Pengarah Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia.</li> <li>• Menunjukkan komitmen kepada tanggungjawab sosial korporat menerusi pelbagai inisiatif.</li> </ul>
	b. Guna pakai amalan pengurusan	Kepuasan tinggi	A	Kami mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh. Kami mengkaji semula proses utama bagi memastikan Lembaga Pengarah berpuas hati dengan peruntukan maklumat Pengurusan kepada Lembaga Pengarah dan mengesyorkan peningkatan. Kami juga menerapkan proses Pengurusan Risiko Organisasi dan menjalankan perancangan senario dalam pembangunan Rancangan Strategik dan Korporat 2010-2012. Kami terus memantapkan amalan pengurusan bagi memastikan kawalan dalaman yang wajar dan audit dalaman dilaksanakan.
	c. Pematuhan terhadap polisi penting	100%	A	Kami mengkaji semula polisi-polisi utama kami, termasuk Polisi bagi Pemerolehan, Kontrak dan Penyumberan Luar. Kami memantapkan program pematuhan, menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Korporat dan memulakan inisiatif bagi memastikan pematuhan.
	d. Keberkesanan polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi	Kepuasan tinggi	A	Fungsi audit dalaman kami memberi jaminan bahawa polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami terus efektif dan dilaksanakan mengikut rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi.
	e. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab	Kepuasan tinggi	A	Kami terus menyediakan maklumat relevan kepada Lembaga Pengarah bagi memaklumkan aktiviti dan perkembangan terkini Perbadanan. Kami mengkaji semula proses-proses utama bagi memastikan Lembaga Pengarah berpuas hati dengan penyediaan maklumat Pengurusan kepada Lembaga Pengarah dan mengesyorkan penambahbaikan termasuk menyediakan lebih banyak maklumat mengenai perkembangan antarabangsa dan penarafan khusus bagi penilaian kepuasan Lembaga Pengarah dengan maklumat yang disediakan oleh Pengurusan.
	2. Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	Tindakan bagi maklum balas yang diterima	A	Kami terus memberikan maklum balas yang efektif kepada pemegang kepentingan kami termasuk institusi anggota, institusi kewangan lain yang dijamin, agensi Kerajaan, pelbagai organisasi awam dan swasta serta orang awam menerusi pelbagai saluran seperti Pusat Panggilan, laman web, emel, am, taklimat, pameran, jerayawara dan hubungan media.
	3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
	a. Menyenggara rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi:			
	i. Penilaian dan kajian semula risiko secara berterusan	Kajian semula	A	Kami terus melaksanakan penilaian risiko dan kajian semula secara berterusan sepanjang tahun. Kami juga mengendalikan Bengkel Kerja Pengenalpastian dan Penilaian Risiko Pengurusan Risiko Organisasi bagi Pengurusan dan kakitangan untuk mengemaskinikan Daftar Risiko.
	ii. Polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi bagi Lembaga Pengarah	Dibangunkan & dilaksanakan	A	Kami memulakan pembangunan polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi bagi Lembaga Pengarah.
	iii. Rangka kerja penilaian keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi	Dibangunkan & dilaksanakan	A	Kami membangunkan rangka kerja penilaian keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi bagi mengukur tahap kematangan amalan Pengurusan Risiko Organisasi. Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan itu, kami mengendalikan Kaji Selidik Penilaian Sendiri Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi.
	b. Melaksanakan rangka kerja Jaminan Deposit Kerajaan	Dilaksanakan	A	Kami melaksanakan rangka kerja Jaminan Deposit Kerajaan. Kami bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia untuk memantau prestasi institusi kewangan yang dijamin dan mengekalkan interaksi secara berterusan.

## Imbasan Kad Skor Korporat 2009

OBJEKTIF KORPORAT		PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN 2009	KEPUTUSAN UNJURAN DIS 2009	ULASAN	
Pemegang Kepentingan	B	Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	4. Indeks kesedaran awam (tahap kesedaran umum mengenai insurans deposit)	30%	G	Pada pertengahan tahun 2009, tahap kesedaran mengenai insurans deposit meningkat daripada 27% (2008) kepada 29% (pertengahan tahun 2009). Keputusan bagi hujung tahun 2009 akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2009 kami.
			5. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
			a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu (termasuk memenuhi objektif Jaminan Deposit Kerajaan):			
			i. Melaksanakan program pengiklanan	Disempurnakan	A	Kami melaksanakan kempen pengiklanan tahunan mengikut rancangan termasuk publisiti dalam media cetak, penyiaran dan elektronik.
			ii. Melaksanakan program perhubungan awam	Disempurnakan	A	Kami melaksanakan program perhubungan awam mengikut rancangan termasuk taklimat media, temu bual, penerbitan artikel dan program Capaian Korporat 2009 di Kuching, Sarawak.
			iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan	Disempurnakan	A	Kami melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan mengikut rancangan yang merangkumi taklimat untuk institusi anggota, institusi kewangan lain yang dijamin dan pemegang kepentingan yang lain di seluruh negara serta menyertai pameran dan jerayawara di seluruh negara.
			b. Membangunkan dan melaksanakan program pendidikan	Dibangunkan & dilaksanakan	A	Kami menyempurnakan pembangunan program pendidikan untuk pelajar sekolah menengah dan penuntut institusi pengajian tinggi dan akan memulakan pelaksanaan awal di sekolah dan institusi yang terpilih pada suku pertama tahun 2010.
	c. Membangunkan dan melaksanakan program biasiswa	Dibangunkan	A	Kami membangunkan program biasiswa bagi pengajian siswazah di universiti tempatan di Malaysia dan pelaksanaan akan bermula pada tahun 2010.		
	C	Perkongsian efektif	6. Hubungan PIDM dengan:			
			a. Bank Negara Malaysia	Kukuh	A	Hubungan kami dengan Bank Negara Malaysia kekal kukuh menerusi kerjasama rapat yang berterusan dalam memantau dan mengawal selia institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin.
			b. Institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin	Memuaskan	A	Hubungan dan kerjasama dengan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin dikekalkan menerusi interaksi berterusan dengan mengadakan dialog tahunan dan proses perundingan berkenaan dengan polisi dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan institusi-institusi ini.
			c. Penyedia perkhidmatan	Kukuh	A	Kami terus membina dan mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan penyedia perkhidmatan utama kami.
			d. Penginsurans deposit antarabangsa	Kukuh	A	Hubungan kami dengan penginsurans deposit yang lain terus kukuh menerusi penyertaan aktif kami dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa. Sebagai tuan rumah, kami menganjurkan beberapa lawatan sambil belajar untuk penginsurans deposit yang lain. Kami juga dicalonkan sekali lagi bagi anugerah Penginsurans Deposit Terbaik pada tahun 2009.
e. Kerajaan			Kukuh	A	Kami terus menyediakan maklumat dan sokongan kepada agensi Kerajaan yang lain.	
7. Menyertai forum antarabangsa			Penyertaan aktif	A	Kami giat menyertai forum antarabangsa dengan menghadiri, menganjur dan menjadi tuan rumah bagi pelbagai acara.	
8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:						
a. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik	Dibangunkan	A	Kami terus membangunkan pangkalan rakan kongsi strategik utama sebagai sebahagian daripada usaha membina kesediaan operasi kami.			
Kewangan	D	Penggunaan sumber yang optimum	9. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet yang diluluskan	- 10% perbezaan +15% perbezaan	1	
			10. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
			a. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pembiayaan	Fasa 1 dilaksanakan & Fasa 2 dibangunkan	A	Kami merangka Perjanjian Kemudahan Pinjaman Induk dengan Kerajaan yang akan dilaksanakan. Kami juga memulakan Fasa 2 rangka kerja pembiayaan bagi mengumpul dana daripada pasaran modal.
			b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja bagi:			
			i. Dana sasaran	Dibangunkan	A	Kami memulakan pembangunan rangka kerja Dana Sasaran dan Peruntukan Kerugian yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2010. Tugas-tugas berkaitan disempurnakan mengikut rancangan bagi tahun 2009.
ii. Peruntukan	A					

## Imbasan Kad Skor Korporat 2009

OBJEKTIF KORPORAT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN 2009	KEPUTUSAN UNJURAN DIS 2009	ULASAN	
Proses Dalam E	Kecemerlangan operasi	11. Pematuhan kawalan dalaman	Kukuh	A	Kami terus mengekalkan kawalan dalaman yang mantap dalam operasi kami.
		12. Kaji selidik dalaman bagi menilai kepuasan dengan tahap perkhidmatan antara Bahagian	75%	A	Kami mengkaji semula secara berterusan prestasi dan tahap perkhidmatan fungsi-fungsi sokongan dalaman kami dan menyediakan pelan tindakan untuk menangani sebarang kekurangan yang boleh timbul. Keseluruhannya, semua Bahagian dan fungsi mencapai tahap kepuasan yang disasarkan iaitu 75%.
		13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
		a. Kajian semula garis panduan bagi Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit Diinsuranskan	Kajian semula	A	Kami mengeluarkan Garis Panduan Pengesahan Juruaudit Luar pada April 2009 dan melaksanakan Program Pengesahan Juruaudit Luar bagi mengesahkan Jumlah Deposit Diinsuranskan dan premium yang dibayar oleh semua institusi anggota. Kajian semula Sistem Premium Berbeza dijalankan secara berterusan dan kami mendapat maklum balas daripada institusi anggota mengenai aspek yang perlu dikaji semula dan dipertingkatkan. Satu kertas rundingan akan diterbitkan pada tahun 2010.
		b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif (Fasa 2 - Peningkatan)	Dibangunkan	A	Kami mengkaji semula nisbah utama dan petunjuk utama yang sedia ada secara berterusan untuk menilai risiko institusi anggota kami. Kami juga meningkatkan infrastruktur Sistem Penilaian Risiko sebagai persediaan untuk data berkaitan dengan Basel II. Kami juga memulakan penyelidikan mengenai projek Sistem Isyarat Awal yang akan dibangunkan pada tahun 2010. Aktiviti disempurnakan mengikut rancangan bagi tahun 2009.
		c. Membangunkan dan melaksanakan metodologi, polisi, proses dan kriteria Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan Bank	Dibangunkan	A	Projek tiga tahun untuk membangunkan polisi dan prosedur bagi rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan Bank berjalan lancar mengikut jadual. Keseluruhan rangka kerja serta dokumentasi bagi empat daripada 13 bahagian disempurnakan mengikut rancangan bagi tahun 2009.
		d. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan-peraturan bagi institusi anggota dan institusi lain yang dijamin:			
		i. Garis panduan/peraturan-peraturan faedah dan pulangan boleh dibayar	Dibangunkan	Y	Kami mula merangka garis panduan/peraturan-peraturan faedah dan pulangan boleh dibayar dan inisiatif ini dijangka akan disempurnakan pada tahun 2010.
		ii. Polisi-polisi lain	Dibangunkan	Y	Pada tahun ini, kami merancang pembangunan Garis Panduan bagi Sistem dan Penyerahan Maklumat Deposit. Kertas rundingan diterbitkan pada tahun 2009. Garis panduan dijangka akan diterbitkan pada tahun 2010. Kami juga memulakan pembangunan Garis Panduan bagi Surcaj Premium. Garis panduan dijangka akan diterbitkan pada tahun 2010.
		e. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit:			
		i. Fasa 1 – Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit	Dibangunkan & dilaksanakan	A	Fasa 1 Sistem Pembayaran Balik Deposit disempurnakan mengikut rancangan dengan pembangunan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit.
		ii. Fasa 2 – Membangunkan Proses dan Sistem Pengurusan Pembayaran	Dibangunkan	G	Kami mengenal pasti penyedia perkhidmatan bagi pengendalian projek Fasa 2 berkenaan dengan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Repositori Produk. Projek ini akan disempurnakan pada hujung tahun 2010.
		f. Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik Teknologi Maklumat tahunan	Disempurnakan	A	Kami menyempurnakan semua inisiatif dan aktiviti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PIDM, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fasa 1 projek "Infrastruktur Rangkaian Berlebihan".</li> <li>• Penilaian perisian anti virus baharu.</li> <li>• Peningkatan infrastruktur Teknologi Maklumat operasi secara luas korporat.</li> <li>• Projek Teknologi Maklumat utama yang digariskan dalam Kad Skor Korporat.</li> </ul>
		g. Membangunkan dan melaksanakan pelan Kesenambungan Urusan dan Pemulihan Bencana:			
		i. Fasa 1 – Penilaian, Reka Bentuk dan Dokumentasi Rancangan	Dibangunkan & dilaksanakan	A	Dengan penyempurnaan Fasa 1, Pelan Kesenambungan Urusan PIDM kini tersedia. Program simulasi dikendalikan termasuklah latihan berbentuk perbincangan dan ujian rangkaian pemberitahuan. Selain itu, kami juga membangunkan Pelan Kesenambungan Urusan bagi Jerebu dan Penyakit Berjangkit yang khusus.
		ii. Fasa 2 – Latihan, Kesedaran, Ujian dan Perancangan Pemulihan Bencana dan Penyediaan Kemudahan	Dibangunkan & dilaksanakan	G	Fasa 2 sedang dilaksanakan dan melibatkan pengenalanpastian dan pembangunan tapak dan infrastruktur pemulihan bencana. Latihan, kesedaran dan ujian akan dijalankan bagi menyokong operasi PIDM sekiranya berlaku bencana.
		h. Membangunkan Manual Komunikasi Krisis	Dibangunkan	A	Kami membentuk pasukan petugas khas bersama-sama dengan Bank Negara Malaysia bagi pembangunan Manual Komunikasi Krisis. Rangka kerja disempurnakan mengikut rancangan dan pembangunan Manual ini dijangka akan disempurnakan pada tahun 2010.



## Imbasan Kad Skor Korporat 2009

OBJEKTIF KORPORAT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN 2009	KEPUTUSAN UNJURAN DIS 2009	ULASAN	
Proses Dalam	i. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia	Fasa 1 dilaksanakan & Fasa 2 dibangunkan	A	Fasa 1 Sistem Maklumat Sumber Manusia berjalan lancar mengikut jadual bagi tahun 2009. Pembangunan Fasa 2 telah bermula dan dijangka akan disempurnakan pada tahun 2010.	
	j. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja dan sistem Pengurusan Pengetahuan:				
	i. Fasa 1 – Membangunkan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan	Disempurnakan	G	Rangka kerja Pengurusan Pengetahuan dibangunkan dan pelaksanaan dijangka akan bermula pada tahun 2010.	
	ii. Fasa 2 – Membangunkan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Pengetahuan	Dibangunkan	Y	Pembangunan polisi, proses dan infrastruktur akan bermula sejajar dengan pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan pada tahun 2010.	
	k. Melaksanakan Portal Enterpris Korporat	Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	A	Fasa 1 projek Portal Enterpris Korporat disempurnakan dan fasa berikut akan dilaksanakan pada tahun 2010.	
	l. Melaksanakan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Rekod dan Klasifikasi Maklumat	Dilaksanakan	A	Kami membangunkan program ini bagi memastikan maklumat dikelaskan dengan teratur dan dikekalkan dalam Perbadanan.	
	m. Kajian semula had perlindungan	Kajian semula	A	Kami mengkaji semula had perlindungan insurans deposit dan akan menggunakan maklumat ini dalam perancangan bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan.	
	n. Kajian semula dan cadangan pindaan kepada Akta PIDM	Dilaksanakan	A	Perundangan Insurans Penstabilan diluluskan oleh Parlimen pada 2009. Kami juga menyempurnakan kajian semula Akta PIDM bagi memastikan kekokohan dan keberkesanan operasi serta meningkatkan kuasa dan kaedah resolusi bagi kegunaan Perbadanan. Kami akan mencadangkan pindaan-pindaan perundangan kepada Akta PIDM pada tahun 2010.	
	o. Kajian semula keperluan operasi untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dengan efektif dan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan, apabila diperlukan	Dibangunkan & dilaksanakan	A	Kami mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dengan berkesan dan akan memulakan pembangunan rancangan untuk memperkenalkan semula sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad apabila Jaminan Deposit Kerajaan berakhir.	
Pembelajaran dan Pembangunan	F Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap	14. Pelaksanaan pelan latihan tahunan	80%	A	Kami berjaya melaksanakan pelan latihan tahunan berdasarkan analisis keperluan latihan. Kami mengkaji semula pelan latihan kami secara berterusan berdasarkan maklum balas daripada pelan pembangunan individu, penilaian prestasi dan penilaian pemeataan kecekapan.
		15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
	a. Membangunkan dan melaksanakan perancangan penggantian berdasarkan rangka kerja Pengurusan Penggantian yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah	Dibangunkan & dilaksanakan	A	Rancangan penggantian bagi semua jawatan utama dibangunkan dan pelaksanaan akan bermula pada 1 Januari 2010.	
	G Persekitaran korporat yang kondusif	16. Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	A	Keputusan kaji selidik kepuasan kerja kakitangan bagi tahun 2008 diumumkan pada Januari 2009, iaitu pencapaian indeks kepuasan sebanyak 81% (2007: 79%). Kaji selidik bagi tahun 2009 akan dijalankan pada hujung tahun 2009 dan keputusan kaji selidik dijangka akan diperolehi pada Januari 2010.
17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:					
a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan untuk menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif	Disempurnakan	A	Perbadanan terus menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif dengan mengadakan aktiviti berkaitan kakitangan dan melaksanakan Program Sokongan Kakitangan.		





## Kewangan 2009: Unjuran Berbanding Bajet

### A. Keputusan Operasi

	2009 Unjuran*	2009 Bajet	Perbezaan	
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
<b>Pendapatan</b>				
Premium	131,360	147,000	(15,640)	(11)
Pelaburan	7,650	11,000	(3,350)	(30)
Pendapatan pelbagai	30	-	30	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>139,040</b>	<b>158,000</b>	<b>(18,960)</b>	<b>(12)</b>
<b>Perbelanjaan Operasi</b>				
Kakitangan	26,210	27,900	1,690	6
Am dan Pentadbiran	16,910	19,000	2,090	11
Komunikasi	5,400	7,100	1,700	24
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>48,520</b>	<b>54,000</b>	<b>5,480</b>	<b>10</b>
<b>Lebih Bersih</b>	<b>90,520</b>	<b>104,000</b>	<b>(13,480)</b>	<b>(13)</b>

### B. Perbelanjaan Modal

	2009 Unjuran*	2009 Bajet	Perbezaan	
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
<b>Perbelanjaan Modal</b>				
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	250	480	230	48
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	10,220	15,100	4,880	32
<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>10,470</b>	<b>15,580</b>	<b>5,110</b>	<b>33</b>

\* 2009 Unjuran = Sebenar (Jan-Okt 2009) + Unjuran (Nov-Dis 2009)

## C. Ulasan Prestasi Kewangan 2009

### Keputusan Operasi

Kami mengunjurkan lebih bersih sebanyak RM91 juta berbanding RM104 juta seperti yang dibajetkan dalam Rancangan Korporat kami. Jangkaan yang lebih rendah sebanyak RM13 juta ini disebabkan terutamanya premium lebih rendah yang diterima pada tahun ini berbanding bajet.

### Pendapatan

- Premium sebenar yang diterima pada tahun ini ialah RM131 juta, iaitu 11% lebih rendah berbanding bajet sebanyak RM147 juta. Ini disebabkan terutamanya peningkatan dalam penarafan Sistem Premium Berbeza bagi beberapa institusi anggota dengan asas deposit besar, menyumbang kepada premium lebih rendah yang dibayar oleh institusi-institusi ini. Premium lebih rendah ini juga dikaitkan dengan peningkatan sebenar Jumlah Deposit Diinsuranskan yang lebih rendah sebanyak 5.2% berbanding unjuran peningkatan tahunan 9.5%.
- Pendapatan pelaburan juga diunjur lebih rendah berbanding bajet berikutan hasil rendah bagi sekuriti pelaburan kami serta asas aset lebih kecil tersedia bagi tujuan pelaburan.
- Pendapatan pelbagai merujuk kepada jualan kelengkapan pejabat semasa tahun ini.

### Perbelanjaan Operasi

- Jumlah perbelanjaan operasi sehingga 31 Disember 2009 diunjur sebanyak RM49 juta, iaitu RM5.5 juta atau 10% di bawah bajet.
- Perbezaan positif ini disebabkan terutamanya perbelanjaan Am dan Pentadbiran yang lebih rendah, khususnya, berkaitan dengan perbelanjaan latihan dan pembangunan, perjalanan, pencetakan dan alat tulis. Perbezaan positif ini juga disebabkan oleh perbelanjaan Komunikasi yang lebih rendah berbanding bajet.
- Bagi 2009, selain perbelanjaan operasi kami yang berterusan, kami juga menanggung kos pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama termasuk pembangunan proses dan dokumentasi aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan bank yang komprehensif, serta kajian semula perundangan.

### Perbelanjaan Modal

- Perbelanjaan modal kami dijangkakan sebanyak RM10.5 juta, iaitu 33% lebih rendah berbanding bajet. Perbezaan positif ini disebabkan terutamanya penjimatan yang berbangkit daripada beberapa projek Teknologi Maklumat utama termasuk Sistem Pembayaran Balik Deposit – Fasa 2, Portal Enterpris Korporat dan projek peningkatan infrastruktur Teknologi Maklumat.

Kesimpulannya, kami mencapai perbezaan positif dalam perbelanjaan operasi dan modal kerana kami mengamalkan pengurusan kewangan berhemat dan kawalan dalaman yang mantap. Keseluruhannya, kami mencapai inisiatif Rancangan Korporat utama kami bagi tahun ini mengikut sasaran dan pelan kewangan yang telah diluluskan.

Rancangan Kami





# RANCANGAN KAMI

## Persekitaran Operasi

Kami menekankan kepentingan keyakinan awam terhadap sistem kewangan dan menegaskan sekali lagi bahawa rangka kerja pengawalseliaan dan jaringan keselamatan memainkan peranan dalam memastikan kestabilan sistem kewangan. Kami memantau secara rapi perkembangan persekitaran luar dan industri kewangan di peringkat antarabangsa, serantau dan tempatan. Tahun sebelum ini merupakan tahun yang mencabar di peringkat domestik dan antarabangsa, justeru beberapa institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin mengambil langkah-langkah proaktif bagi meningkatkan kualiti dan kecairan aset.

Berdasarkan penilaian persekitaran kami, ekonomi Asia dijangka bertambah pulih sejajar dengan ekonomi

global yang nampaknya semakin pulih daripada kemelesetan. Kami terus mengguna pakai rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi bagi mengenal pasti risiko utama yang mendatangkan kesan kepada PIDM. Kami membangunkan pelan tindakan mitigasi untuk menangani risiko-risiko utama ini dan menyerapkannya sebagai sebahagian daripada inisiatif korporat kami bagi tempoh perancangan.

Oleh itu, persekitaran operasi dijangka bertambah baik pada masa hadapan, dan kami tidak menjangkakan kegagalan akan berlaku di kalangan institusi anggota atau institusi kewangan lain yang dijamin semasa tempoh perancangan.

## Jaminan Deposit Kerajaan

Sejak 16 Oktober 2008, PIDM dipertanggungjawabkan untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan. Kami telah memantau sebahagian besar institusi kewangan dan bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia bagi memastikan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin tidak terlibat dalam pengambilan risiko berlebihan dan terus mengekalkan asas modal yang mencukupi. Kami akan meneruskan aktiviti-aktiviti ini dalam mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan sehingga 31 Disember 2010.

Bagi tempoh perancangan, kami juga bersedia sedia bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad. Ini termasuk merancang dan merangka aktiviti perhubungan awam dan komunikasi serta mengkaji semula had perlindungan sistem insurans deposit.

Berdasarkan persekitaran operasi yang bertambah pulih, kami tidak menjangka Jaminan Deposit Kerajaan akan digunakan semasa tempoh perancangan ataupun dilanjutkan selepas tarikh 31 Disember 2010.

## Ulasan Pengurusan Risiko Organisasi

Setiap tahun, menerusi proses Pengurusan Risiko Organisasi, PIDM menjalankan program pengenalpastian dan penilaian risiko korporat menerusi bengkel kerja untuk mengenal pasti dan menilai risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan bagi tempoh perancangan. Aspek-aspek utama berikut dibincangkan semasa bengkel kerja tersebut.

### **Perbincangan dan Penelitian Persekitaran**

Ini melibatkan kajian semula aliran global dari segi politik, ekonomi, isu-isu sosial, teknologi, pembangunan undang-undang dan keseluruhan persekitaran, dengan tumpuan kepada kesannya terhadap industri perkhidmatan kewangan di Malaysia.

### **Tanda Aras Risiko Utama Global**

Kami juga menanda aras risiko penting yang dikenal pasti bagi Perbadanan berbanding dengan kaji selidik global 2009 terhadap risiko terutama yang dihadapi oleh dunia

perniagaan global untuk memastikan ancaman global utama diambil kira dalam penilaian kami.

### **Pengenalpastian Andaian Perancangan Utama**

Hasil perbincangan dan penelitian persekitaran, kami mengenal pasti dan menilai faktor-faktor risiko luar serta membangunkan andaian perancangan utama awal bagi tempoh perancangan ini.


### **Pengenalpastian, Penilaian dan Perbincangan Risiko Peringkat Bahagian dan Silang Bahagian**

Susulan bengkel kerja itu, setiap Bahagian mengadakan perbincangan terperinci mengenai risiko yang membawa kesan langsung kepada Bahagian tersebut, dan seterusnya risiko-risiko ini digabung dan dianalisis.

Hasil analisis ini membentuk asas perumusan dan penyusunan keutamaan inisiatif korporat bagi tempoh perancangan untuk menangani risiko utama yang telah dikenal pasti.



Bidang risiko yang memberi kesan kepada Perbadanan dikategorikan mengikut gambar rajah seperti di bawah.



Integrasi antara Perancangan Korporat dan proses Pengurusan Risiko Organisasi membolehkan Perbadanan menetapkan fokus utama dan keutamaan inisiatif mengikut risiko-risiko penting yang dikenal pasti. Inisiatif-inisiatif utama untuk menangani risiko-risiko penting dihuraiakan seperti berikut.

#### 1. Pembangunan polisi, proses dan sistem dalam operasi teras dan kesediaan untuk pengendalian campur tangan dalam institusi dijamin yang bermasalah

Kami meneruskan pembangunan polisi, proses dan sistem untuk mengurus pembayaran balik deposit, serta campur tangan dan resolusi kegagalan bank. Sementara itu, kami telah membangunkan pelan kontigensi untuk menangani sebarang isu yang mungkin berbangkit sebelum pembangunan polisi, proses dan sistem disempurnakan.

#### 2. Ketidapatuhan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin kepada Akta/ peraturan-peraturan PIDM

Kami akan memulakan pembangunan program pematuhan yang dikaitkan dengan rangka kerja surcaj premium bagi memastikan institusi anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin mematuhi Akta, peraturan-peraturan dan garis panduan PIDM.

#### 3. Tahap kesedaran awam yang rendah mengenai sistem insurans deposit

Kami telah meningkatkan program kesedaran awam pada tahun-tahun sebelum ini dan akan terus menyesuaikan program komunikasi kami ke arah mencapai tahap kesedaran yang disasar menerusi Rancangan Komunikasi Bersepadu.

#### 4. Kesenambungan urusan

Susulan penyempurnaan pembangunan Rancangan Kesenambungan Urusan pada 2009, kami akan membangunkan Rancangan Pemulihan Bencana dan infrastruktur. Kami akan menjalankan latihan, sesi kesedaran dan ujian untuk memastikan kesinambungan fungsi-fungsi kritikal PIDM sekiranya berlaku bencana.

#### 5. Kepakaran dan pengalaman dalam bidang insurans deposit

Salah satu fokus utama bagi tempoh perancangan ialah pengurusan tenaga kerja. Di samping membangunkan keupayaan dan kepakaran dalaman menerusi program pembelajaran dan pembangunan tahunan, kami juga akan memulakan inisiatif untuk membangunkan dan melaksanakan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan bagi mengekalkan pengetahuan dalam Perbadanan.

#### 6. Pendedahan maklumat sulit

Bagi meningkatkan lagi Polisi Klasifikasi Maklumat yang bertujuan memastikan maklumat sulit dan sensitif diurus dengan teratur, polisi ini akan menjadi sebahagian daripada Portal Enterpris Korporat yang menggabungkan maklumat, kakitangan dan proses dalam seluruh Perbadanan.

Pelaksanaan pengurusan risiko yang mantap dan efektif merupakan sebahagian daripada amalan urusan terbaik di peringkat korporat dan strategik, serta sebagai kaedah untuk menambah baik keberkesanan operasi. Kami akan terus mempertingkatkan integrasi antara Pengurusan Risiko Organisasi dan proses perancangan strategik bagi memastikan pelaksanaan yang lebih efektif dan efisien bagi kedua-dua fungsi ini.

## Andaian Perancangan Utama

Penilaian persekitaran operasi kami menjadi asas pengenalpastian dan pembangunan andaian perancangan utama berikut bagi tempoh perancangan.

Andaian Perancangan Utama 2010-2012	
<b>Pemegang Kepentingan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mandat kami kekal terkini dan relevan.</li> <li>• Jaminan Deposit Kerajaan akan berakhir pada 31 Disember 2010 dan PIDM akan beralih kepada pelaksanaan sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad.</li> <li>• Peningkatan rangka kerja pengawalseliaan akan diteruskan bagi menyokong kestabilan sistem kewangan.</li> <li>• Persekitaran ekonomi dan persaingan pasaran tidak dijangka akan memberi kesan besar kepada sistem kewangan, institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin. Justeru, kami tidak menjangka sebarang campur tangan atau resolusi kegagalan bank semasa tempoh perancangan.</li> </ul>
<b>Tadbir Urus dan Proses Dalam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan premium bagi tahun 2010 dijangka akan menerima kesan daripada profil risiko institusi anggota di bawah Sistem Premium Berbeza dan peningkatan Jumlah Deposit Diinsuranskan. Profil risiko institusi anggota di bawah Sistem Premium Berbeza, serta tahap peningkatan Jumlah Deposit Diinsuranskan tidak dijangka akan berubah dengan ketara berbanding dengan tahun 2009.</li> <li>• Model urusan kami terus bergantung pada pasukan kakitangan yang kecil yang disokong oleh penyedia perkhidmatan utama, hubungan kerja yang baik dengan pemegang kepentingan utama serta proses, sistem dan infrastruktur yang efektif.</li> </ul>
<b>Pembelajaran dan Pembangunan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami akan terus mengekalkan dan membangunkan tenaga kerja yang sedia ada kerana tenaga kerja kritikal yang berkaitan dengan bidang kerja PIDM agak sukar didapati di pasaran.</li> </ul>

## Fokus Utama bagi 2010-2012

Kami yakin bahawa sembilan fokus utama berikut membentuk asas utama pencapaian objektif korporat kami bagi tempoh perancangan 2010-2012. Dari setahun ke setahun, kami terus meningkatkan keberkesanan operasi bagi memastikan mandat kami dipenuhi. Dalam usaha kami ke arah ini, kami memerlukan pelaburan besar dalam proses, sistem dan infrastruktur, serta pembangunan tenaga kerja. Kami juga akan memberi tumpuan untuk meningkatkan kesedaran awam, terutamanya selepas berakhirnya Jaminan Deposit Kerajaan semasa tempoh perancangan.

Fokus utama kami bagi tempoh perancangan 2010-2012 adalah seperti berikut.

Fokus Utama bagi 2010-2012	Huraian
1. Meneruskan fokus untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman awam mengenai insurans deposit dan PIDM.	Kesedaran dan pemahaman awam mengenai insurans deposit di Malaysia masih rendah tetapi semakin meningkat secara beransur-ansur. Kami akan meneruskan inisiatif kesedaran awam bagi membina keyakinan pendeposit terhadap sistem kewangan, menerusi Rancangan Komunikasi Bersepadu.
2. Membangunkan dan melaksanakan strategi dan inisiatif bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad.	Jaminan Deposit Kerajaan berakhir pada 31 Disember 2010. Kami perlu melaksanakan inisiatif yang akan melancarkan peralihan kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad tanpa menjejaskan keyakinan pendeposit.
3. Terus mengekalkan perkongsian sedia ada dan mengembangkan pangkalan penyedia perkhidmatan.	Kami kekal sebagai organisasi kecil yang disokong oleh rakan kongsi strategik utama dan penyedia perkhidmatan luar apabila diperlukan.
4. Terus mengguna pakai amalan terbaik dalam tadbir urus dan insurans deposit.	Kami akan terus menerajui industri melalui teladan menerusi pelaksanaan amalan terbaik dalam tadbir urus dan operasi insurans deposit.
5. Membangunkan dan melaksanakan komponen rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan Bank termasuk pembangunan kapasiti dan kesediaan.	Kami akan terus memantapkan kesediaan operasi dengan menambah baik proses, sistem dan membangunkan kakitangan kami dalam bidang teras operasi.
6. Mengkaji semula dan meningkatkan Sistem Penilaian Risiko dan Sistem Premium Berbeza yang sedia ada.	Kami akan meneruskan proses perundingan dengan institusi anggota, mengkaji semula dan memantapkan Sistem Penilaian Risiko dan Sistem Premium Berbeza yang sedia ada.
7. Meneruskan pembangunan dan peningkatan infrastruktur bagi memastikan keberkesanan dan pematuhan operasi.	Kami akan meneruskan pengukuhan infrastruktur seperti proses, sistem dan bidang kerja bagi mewujudkan persekitaran kerja yang efektif dan efisien.
8. Melaksanakan rangka kerja pengurusan tenaga kerja yang mantap.	Kami akan meneruskan pelaksanaan rangka kerja pengurusan tenaga kerja yang mantap bagi menarik dan mengekalkan kakitangan berkemahiran, berpengalaman dan mempunyai sikap yang sesuai. Kami komited menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan yang berterusan kepada kakitangan, bagi membantu mereka mencapai potensi penuh masing-masing.
9. Mengukuhkan nilai-nilai korporat dan budaya prestasi dalam Perbadanan.	Kami menyemai nilai-nilai korporat menerusi penerapan ke dalam budaya prestasi tinggi kami.

## Kad Skor Korporat 2010-2012

Kad Skor Korporat digunakan sebagai instrumen pengurusan prestasi bagi membantu kami memantau dan mengukur prestasi kami berbanding sasaran. Kad Skor Korporat membantu menguruskan strategi kami dengan mengaitkan objektif korporat, ukuran prestasi dan inisiatif kepada strategi di semua peringkat.

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama (PPU)	Sasaran			
		2010	2011	2012	
Pemegang Kepentingan	A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam (kesedaran umum mengenai insurans deposit)	35%	40%	45%
		2. Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain	Tahap responsif 100%	Tahap responsif 100%	Tahap responsif 100%
		3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu (termasuk memenuhi objektif Jaminan Deposit Kerajaan): i. Melaksanakan program pengiklanan ii. Melaksanakan program perhubungan awam iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan b. Melaksanakan program pendidikan c. Melaksanakan dan mentadbir program biasiswa d. Membangunkan dan melaksanakan inisiatif bagi melancarkan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan termasuk kajian semula had dan skop perlindungan insurans deposit e. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan prosedur bagi peraturan-peraturan peruntukan maklumat	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dilaksanakan Dilaksanakan  Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Kajian semula & dilaksanakan Dilaksanakan  Dilaksanakan Dilaksanakan & dikuatkuasakan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Kajian semula & dilaksanakan Dilaksanakan  - Dilaksanakan & dikuatkuasakan
	B Perkongsian efektif	4. Hubungan PIDM dengan: a. Bank Negara Malaysia b. Institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin c. Penyedia perkhidmatan d. Penginsurans deposit yang lain	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh
		5. Menyertai forum antarabangsa	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
		6. Bilangan rakan kongsi strategik a. Mengembangkan dan mengekalkan pangkalan rakan kongsi strategik utama	Pangkalan dipertingkatkan	Pangkalan dipertingkatkan	Pangkalan dikekalkan
Tadbir Urus dan Proses Dalam	C Tadbir urus yang mantap	7. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dipatuhi b. Polisi dan amalan utama yang diguna pakai dan dipatuhi c. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan yang bermaklumat dan memenuhi tanggungjawab	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi  Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi  Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi  Tahap kepuasan tinggi
		8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi bagi Lembaga Pengarah b. Mencadangkan pindaan kepada Akta PIDM dan undang-undang berkaitan  c. Penglibatan dalam Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Dibangunkan & dilaksanakan Mencadangkan pindaan-pindaan perundangan  Penyertaan aktif	Kajian semula & dipertingkatkan -  Penyertaan aktif	Kajian semula & dipertingkatkan -  Penyertaan aktif
	D Penilaian risiko, pemantauan dan keupayaan resolusi yang kukuh	9. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mengkaji semula rangka kerja Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit Diinsuranskan termasuk proses pengesahan b. Mengkaji semula dan mempertingkatkan rangka kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif c. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Isyarat Awal d. Membangunkan dan melaksanakan komponen rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan Bank termasuk proses, polisi dan prosedur e. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan-peraturan bagi institusi anggota: i. Garis panduan/peraturan-peraturan faedah dan pulangan boleh dibayar ii. Surcaj premium iii. Mengkaji selidik keperluan prinsip teras untuk amalan urusan dan kewangan mantap bagi institusi anggota f. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit: i. Fasa 1 – Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit ii. Fasa 2 – Membangunkan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Repositori Produk iii. Fasa 3 – Membangunkan Pangkalan Data Deposit Dinamik g. Program pematuhan bagi institusi anggota untuk mematuhi Akta PIDM dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh PIDM h. Menubuhkan Syarikat Pengurusan Aset	Kajian semula & dipertingkatkan Kajian semula & dipertingkatkan Fasa 1 dibangunkan Dibangunkan  Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Penyelidikan  Simulasi & dipertingkatkan Dibangunkan & dilaksanakan  Dibangunkan Dibangunkan	Dilaksanakan Dilaksanakan Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan  Dilaksanakan Kajian semula & dipertingkatkan Dibangunkan  Dilaksanakan Simulasi & dipertingkatkan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Dilaksanakan	Dilaksanakan Dikekalkan Fasa 2 dibangunkan Dilaksanakan & kajian semula  Kajian semula & dipertingkatkan Kajian semula & dipertingkatkan Dilaksanakan  Dikekalkan Dilaksanakan Dikekalkan Kajian semula & dipertingkatkan -

## Kad Skor Korporat 2010-2012

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama (PPU)	Sasaran			
			2010	2011	2012	
Tadbir Urus dan Proses Dalam	E	Amalan urus dan kewangan yang mantap	10. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan
			11. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pembiayaan: i. Fasa 1 – Pembiayaan daripada Kerajaan ii. Fasa 2 – Pembiayaan daripada pasaran modal b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja bagi: i. Dana Sasaran dan Peruntukan	Fasa 1 disempurnakan & Fasa 2 dibangunkan	Fasa 2 disempurnakan	Kajian semula & dipertingkatkan
				Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan	Dikekalkan
			12. Pematuhan kawalan dalaman	Kukuh	Kukuh	Kukuh
			13. Kaji selidik dalaman bagi menilai kepuasan dengan tahap perkhidmatan antara Bahagian	75%	75%	75%
			14. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik Teknologi Maklumat tahunan b. Membangunkan dan melaksanakan Rancangan Kesenambungan Urusan dan Pemulihan Bencana: i. Rancangan Kesenambungan Urusan ii. Rancangan Pemulihan Bencana dan infrastruktur c. Membangunkan Manual Komunikasi Krisis d. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia  e. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja dan sistem Pengurusan Pengetahuan: i. Fasa 1 – Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan ii. Fasa 2 – Membangunkan dan melaksanakan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Pengetahuan f. Melaksanakan Portal Enterpris Korporat g. Membangunkan sistem pengurusan maklumat eksekutif h. Memperoleh infrastruktur tambahan (ruang pejabat, sistem Teknologi Maklumat, proses dan keperluan organisasi yang lain)	Disempurnakan  Diuji & dipertingkatkan Dibangunkan & dilaksanakan Disempurnakan Fasa 2 dilaksanakan & Fasa 3 dibangunkan  Dibangunkan & dilaksanakan - Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Diperoleh	Disempurnakan  Diuji & dipertingkatkan Diuji & dipertingkatkan Simulasi & dipertingkatkan Fasa 3 dilaksanakan & dipertingkatkan  - Dibangunkan & dilaksanakan Kajian semula & dipertingkatkan Dibangunkan & dilaksanakan -	Disempurnakan  Diuji & dipertingkatkan Diuji & dipertingkatkan Simulasi & dipertingkatkan Kajian semula & dipertingkatkan  - Kajian semula & dipertingkatkan - Kajian semula & dipertingkatkan -
Pembelajaran dan Pembangunan	F	Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap	15. Pelaksanaan rancangan pembangunan dan pembelajaran tahunan	80% rancangan dilaksanakan	80% rancangan dilaksanakan	80% rancangan dilaksanakan
			16. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangunkan dan melaksanakan perancangan penggantian berdasarkan rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang disepadukan dengan model kecekapan	Dilaksanakan	Dilaksanakan	Dilaksanakan
	G	Persekitaran korporat yang kondusif	17. Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	75%	75%
18. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif			Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan	



## Rancangan Kewangan 2010

Rancangan Kewangan kami telah dibangunkan untuk menyokong pencapaian inisiatif dalam jangka terdekat dan digariskan di bawah.

### A. Bajet Operasi

		2010 Bajet	2009 Unjuran*	2009 Bajet
	(%)	RM'000	(%)	RM'000
<b>Pendapatan</b>				
Premium	94	122,000	95	131,360
Pelaburan	6	8,000	5	7,650
Pendapatan pelbagai	-	-	**	30
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>100</b>	<b>130,000</b>	<b>100</b>	<b>139,040</b>
<b>Perbelanjaan Operasi</b>				
Kakitangan	49	31,700	54	26,210
Am dan Pentadbiran	38	25,100	35	16,910
Komunikasi	13	8,200	11	5,400
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>100</b>	<b>65,000</b>	<b>100</b>	<b>48,520</b>
<b>Lebih Bersih</b>		<b>65,000</b>		<b>90,520</b>
				<b>104,000</b>

### B. Bajet Modal

		2010 Bajet	2009 Unjuran*	2009 Bajet
	(%)	RM'000	(%)	RM'000
<b>Perbelanjaan Modal</b>				
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	29	1,900	2	250
	71	4,600	98	10,220
<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>100</b>	<b>6,500</b>	<b>100</b>	<b>10,470</b>
				<b>15,580</b>

\* 2009 Unjuran = Sebenar (Jan-Okt 2009) + Unjuran (Nov-Dis 2009)

\*\* Peratusan tidak relevan berikutan sistem pengenapan

### C. Ulasan Bajet Operasi dan Bajet Modal

#### Pendapatan

- Pendapatan premium yang dibajetkan bagi tahun 2010 adalah berdasarkan struktur kadar Sistem Premium Berbeza. Tahap peningkatan Jumlah Deposit Diinsuranskan pada tahun 2010 juga diunjurkan tidak akan berubah dengan ketara berbanding dengan tahun 2009.
- Pendapatan pelaburan dibajetkan berdasarkan hasil purata 2% pulangan pelaburan.

#### Perbelanjaan Operasi

- Kos Kakitangan termasuk kos tahunan untuk 96 kakitangan yang dirancang bagi tahun 2010 dan mengambil kira kos pelarasan mengikut pasaran yang sejajar dengan polisi penggajian dan manfaat yang telah diluluskan. Sumber telah dirancang bagi memastikan keberkesanan operasi serta pengurusan penggantian yang efektif.
- Kos Am dan Pentadbiran kebanyakannya berkaitan dengan kos pentadbiran operasi harian. Bagi 2010, kami merancang kos infrastruktur tambahan termasuk ruang pejabat dan kemudahan untuk menyokong operasi kami. Kami juga merancang untuk memperoleh sumber yang diperlukan bagi menyokong semua inisiatif utama yang dikenal pasti bagi tahun 2010.
- Bagi tahun 2010, Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun akan memberi tumpuan kepada peningkatan tahap kesedaran dan pemahaman mengenai PIDM serta membuat persediaan untuk peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad.

#### Perbelanjaan Modal

- Perbelanjaan modal kami telah dirancang untuk menyokong inisiatif utama kami serta pengukuhan infrastruktur bagi memastikan keberkesanan operasi.

**D. Lembaran Imbangan Pro Forma**

	2010 Bajet Konvensional	2010 Bajet Islam	2010 Bajet Jumlah	2009 Unjuran* Jumlah	2009 Bajet Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>ASET</b>					
Tunai dan kesetaraan tunai	6,050	950	7,000	6,870	5,800
Pelaburan	357,000	51,400	408,400	347,900	358,150
Aset lain	8,850	7,150	16,000	1,580	2,230
Hartanah dan peralatan	12,100	1,700	13,800	10,620	16,320
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>384,000</b>	<b>61,200</b>	<b>445,200</b>	<b>366,970</b>	<b>382,500</b>
<b>LIABILITI</b>					
Akaun belum bayar	11,920	2,410	14,330	1,100	5,400
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>11,920</b>	<b>2,410</b>	<b>14,330</b>	<b>1,100</b>	<b>5,400</b>
<b>KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT</b>					
<b>Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam</b>					
Baki awal		47,740	47,740	32,350	26,700
Lebihan bagi tempoh laporan		11,050	11,050	15,390	10,400
		<b>58,790</b>	<b>58,790</b>	<b>47,740</b>	<b>37,100</b>
<b>Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional</b>					
Baki awal	318,130		318,130	243,000	246,400
Lebihan bagi tempoh laporan	53,950		53,950	75,130	93,600
	<b>372,080</b>		<b>372,080</b>	<b>318,130</b>	<b>340,000</b>
<b>JUMLAH KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT</b>	<b>372,080</b>	<b>58,790</b>	<b>430,870</b>	<b>365,870</b>	<b>377,100</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT</b>	<b>384,000</b>	<b>61,200</b>	<b>445,200</b>	<b>366,970</b>	<b>382,500</b>

**E. Penyata Aliran Tunai Pro Forma**

	2010 Bajet	2009 Unjuran*	2009 Bajet
	RM'000	RM'000	RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	122,000	131,359	148,000
Penerimaan pendapatan pelaburan	6,400	8,830	9,000
Pembayaran semasa beroperasi kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(48,040)	(49,665)	(46,000)
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>	<b>80,360</b>	<b>90,524</b>	<b>111,000</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Hasil daripada jualan sekuriti pelaburan	469,910	474,836	437,000
Pembelian sekuriti pelaburan	(543,640)	(557,359)	(536,000)
Pembelian hartanah dan peralatan	(6,500)	(4,786)	(12,800)
<b>Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(80,230)</b>	<b>(87,309)</b>	<b>(111,800)</b>
<b>Kenaikan/(pengurangan) bersih dalam tunai &amp; kesetaraan tunai</b>	<b>130</b>	<b>3,215</b>	<b>(800)</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	6,870	3,655	6,600
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>7,000</b>	<b>6,870</b>	<b>5,800</b>

\* 2009 Unjuran = Sebenar (Jan-Okt 2009) + Unjuran (Nov-Dis 2009)

# Kesimpulan



# KESIMPULAN

## Halangan Pencapaian Rancangan Korporat

Peristiwa-peristiwa tertentu boleh menghalang pencapaian Rancangan kami, seperti campur tangan dalam sesebuah institusi anggota atau institusi kewangan lain yang dijamin yang bermasalah, atau kehilangan kakitangan yang penting. Peristiwa-peristiwa ini boleh mendatangkan impak besar kepada sumber, operasi dan hala tuju strategik kami. Justeru, kami membangunkan pelan tindakan mitigasi untuk menangani risiko-risiko ini.

Kami membangunkan rancangan untuk menangani campur tangan dan resolusi kegagalan bank. Rancangan ini menggariskan tindakan yang perlu diambil sekiranya peristiwa ini berlaku semasa tempoh perancangan,

penyelarasan semula sumber dan penyusunan semula pengutamaan inisiatif, dan pada masa yang sama, meneruskan operasi fungsi-fungsi kritikal kami.

Kami juga menyediakan rancangan penggantian komprehensif bagi jawatan-jawatan utama untuk memastikan impak daripada kehilangan kakitangan yang penting dapat diurus dan dikurangkan.

Bagaimanapun, kami akan terus memantau persekitaran operasi kami bagi memastikan risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan kami dapat diurus dan ditangani dengan berkesan.

## Ringkasan

Rancangan Korporat kami menggariskan hala tuju strategik dan berfungsi sebagai pembimbing utama ke arah kesediaan bagi memenuhi mandat kami dengan efektif.

Bagi tempoh perancangan 2010-2012, kami akan terus meningkatkan kesediaan operasi dari segi polisi, proses, sistem dan infrastruktur, serta membangunkan tenaga kerja. Bagi memastikan kami menjadi sebuah institusi awam yang ditadbir dan diurus dengan baik, kami akan terus mengguna pakai dan memupuk amalan terbaik dalam tadbir urus dan pengurusan. Sebagai salah satu

badan penting dalam jaringan keselamatan kewangan, kami juga akan memastikan pemegang kepentingan kami terdidik dan berpengetahuan mengenai sistem insurans deposit dan PIDM.

Rancangan Korporat kami terus menjadi satu rancangan yang sangat mencabar. Namun begitu, kami yakin dengan tumpuan yang berterusan serta dedikasi dan sokongan daripada Lembaga Pengarah dan kakitangan, kami boleh memenuhi sasaran dan objektif Rancangan ini, sekaligus memajukan kami dalam usaha mencapai visi untuk menjadi "Penginsurans deposit amalan terbaik".



# Lampiran: Mengenai PIDM





# LAMPIRAN: MENGENAI PIDM

## Mengenai Perbadanan

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM). Peranan utama kami adalah untuk menyediakan perlindungan insurans kepada pendeposit sekiranya berlaku kegagalan sesebuah institusi anggota dan untuk mentadbir sistem insurans deposit.

Sebagai sebahagian daripada sistem jaringan keselamatan kewangan nasional, kami mempunyai

kuasa yang luas untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan menyediakan insentif bagi pengurusan risiko mantap dalam sistem kewangan.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. Kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation*, terutamanya dalam konteks antarabangsa.

---

## Mandat Kami

Mandat berkanun kami adalah untuk:

- Mentadbir sistem insurans deposit;
- Menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit;
- Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia; dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

## Lembaga Pengarah

PIDM ditadbir oleh tujuh orang ahli Lembaga Pengarah, dengan perwakilan yang seimbang daripada sektor awam dan sektor swasta. Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas urusan dan hal ehwal PIDM. Pengerusi bukan eksekutif mengetuai Lembaga Pengarah manakala wakil-wakil lain termasuk dua ahli *ex-officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, seorang Pengarah daripada sektor awam dan tiga orang Pengarah daripada sektor swasta dengan seorang daripadanya mempunyai pengalaman berkaitan dalam sektor perbankan dan kewangan. Ketua Pegawai Eksekutif melaksanakan polisi Lembaga Pengarah dan menguruskan hal ehwal harian PIDM.



Tan Sri Dato'  
Abdul Aziz Haji Taha  
**Pengerusi**



Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti  
Akhtar Aziz  
**Ahli Lembaga Pengarah**



Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz  
Wan Abdullah  
**Ahli Lembaga Pengarah**



Tan Sri Dr. Sulaiman  
Mahbob  
**Ahli Lembaga Pengarah**



Datuk Dr. Abdul Samad  
Haji Alias  
**Ahli Lembaga Pengarah**



Encik Michael Wong  
Kuan Lee  
**Ahli Lembaga Pengarah**



Encik George Anthony  
David Dass  
**Ahli Lembaga Pengarah**

## Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif merupakan forum perbincangan isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Bahagian di PIDM. Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif bertujuan memudahkan komunikasi, kerjasama sepasukan, keupayaan menyesuaikan diri kepada perubahan dan kerjasama dalam semua Bahagian di PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.



Jean Pierre Sabourin  
**Ketua Pegawai Eksekutif**



Md Khairuddin  
Haji Arshad  
**Pengurus Besar,  
Insurans, Penilaian Risiko  
dan Pemantauan**



Wan Ahmad Ikram  
Wan Ahmad Loffi  
**Ketua Pegawai  
Kewangan**



Lim Yam Poh  
**Kaunsel Am dan  
Setiausaha Korporat**



Lai Wai Keen  
**Pengurus Besar,  
Polisi dan Antarabangsa**



S. Loganathan  
**Pengurus Besar,  
Komunikasi dan  
Hal Ehwal Awam**



Siti Zubaidah Haron  
**Pengurus Besar,  
Sumber Manusia**



Noorida Baharuddin  
**Ketua Audit Dalaman**



Lee Yee Ming  
**Ketua Pegawai Risiko**

## Hubungi Kami

### Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

---

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan kami  
Talian bebas tol **1-800-88-1266**  
**8.30 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat**
- Layari laman web kami di **www.pidm.gov.my**
- Emel kepada **info@pidm.gov.my**
- Tulis kepada:  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwat Awam**  
**Perbadanan Insurans Deposit Malaysia**  
**Aras 19, 1 Sentral**  
**Jalan Travers**  
**Kuala Lumpur Sentral**  
**50470 Kuala Lumpur**  
**Telefon: 603-2173 7436**  
**Faks: 603-2260 7431 / 7432**